



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2021



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021 3
- MERCU TANDA PUTRAJAYA BERCAHAYA SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021 4
- BANGUNAN DI PUTRAJAYA DISINARI WARNA OREN, BIRU SEMPENA HARI KANSER 2021 5
- PEMBINAAN STADIUM RAGBI PUTRAJAYA LANCAR 6
- ANJUNG FLORIA BAKAL JADI PUSAT REKREASI SETEMPAT PUTRAJAYA 7

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:
ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Selamat Menyambut
HARI
WILAYAH
PERSEKUTUAN
2021

Walaupun masih berdepan situasi COVID-19, warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan digalakkan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di bangunan atau secara maya bagi menyemarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2021 yang disambut pada 1 Februari 2021.

Sambutan bertema 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' dimulakan dengan program Wilayah Persekutuan Bermunajat selepas solat maghrib di masjid dan surau di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan secara dalam talian.

Kementerian Wilayah Persekutuan memaklumkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan membabitkan ketiga-tiga wilayah telah bermula pada hari Ahad 17 Januari 2021 secara serentak sehingga 28 Februari 2021 ini dalam meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warganya.

Orang ramai digalakkan untuk sama-sama memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di premis perniagaan, rumah dan kenderaan serta di platform media sosial masing-masing dengan menggunakan hashtag

#WilayahPersekutuanWilayahPrihatin
#kibarbenderaWP #SHWP2021.

Sambutan SHWP 2021 diadakan menerusi beberapa program yang dijalankan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara, termasuk menerusi platform digital.

Beberapa program baharu turut dilaksanakan secara digital iaitu Program Pencahayaan yang dilaksanakan pada 28 Januari 2021 dan 28 Februari 2021 serta Pameran dan Ikon Wilayah Persekutuan yang memaparkan visual sejarah, penubuhan dan kejayaan Wilayah Persekutuan.

Bagi Program Pencahayaan Wilayah Persekutuan pula, warga wilayah digalakkan menyertai program tersebut dengan memasang lampu secara 'festive mood' (suasana perayaan) di semua premis bangunan dan perumahan.

Penganjuran program-program ini adalah sebagai tanda solidariti serta semangat muhibbah dan integrasi antara kaum selain menzahirkan rasa kasih sayang terhadap Wilayah Persekutuan.

Mercu Tanda Putrajaya Bercahaya Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2021



Mercu tanda di pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan bermandi cahaya pada setiap malam bermula 31 Januari hingga 7 Februari 2021 sebagai simbolik meraikan Hari Wilayah Persekutuan 2021 dalam norma baharu.

Perdana Putra, Jambatan Seri Saujana dan Jambatan Seri Wawasan adalah antara mercu tanda di Putrajaya yang bercahaya dalam suasana perayaan pada setiap malam.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata program pencahayaan yang melibatkan mercu tanda dan bangunan di Putrajaya adalah antara program yang dirangka untuk sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2021 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Program Pencahayaan adalah untuk menggalakkan orang ramai dan pemilik bangunan untuk menyalakan lampu dalam suasana perayaan pada waktu malam supaya Wilayah Persekutuan sentiasa terang bercahaya sepanjang bulan Februari. Selepas 7 Februari, lampu di mercu tanda Putrajaya hanya dinyalakan pada waktu malam setiap hari minggu sehingga 28 Februari 2021.

Bagi penduduk di Putrajaya pula, mereka boleh menikmati suasana meriah pencahayaan dari rumah bersama keluarga dan berkongsi gambar serta video menerusi media sosial dengan meletakkan tanda pagar #WilayahPersekutuanWilayahPrihatin dan #kibarbenderaWP.

Bagi Program Pengindahan dan Pengimarahannya Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021, PPj telah memperuntukkan pembekalan lebih 10,000 unit bendera dan gegantung Wilayah Persekutuan dengan lebih 1,000 unit gegantung telah dipasang di jalan-jalan protokol, jalan persekutuan dan perbandaran.

PPj juga telah mengedarkan 8,450 unit bendera kepada Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya (MPPWP) dan 25 buah sekolah di Putrajaya sebagai galakan penganjuran Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan tahun 2021.

Sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP), program Kenduri Rakyat tahun ini pula diadakan dengan penyampaian bakul makanan kepada keluarga kategori B40 di Putrajaya dengan peruntukan sebanyak RM100,000.

PPj juga mengadakan Kempen Jom Bayar Saman sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 yang memberi tawaran RM30 untuk notis kompaun dan RM50 bagi kes saman mahkamah dari 27 Januari hingga 28 Februari 2021.



Bangunan Di Putrajaya Disinari Warna Oren, Biru Sempena Hari Kanser 2021

Beberapa mercu tanda di seluruh dunia diwarnai dengan warna tema Hari Kanser Sedunia iaitu oren dan biru, bagi menunjukkan sokongan kepada inisiatif dan usaha kesedaran di seluruh dunia.

Usaha simbolik tersebut dibuat bersempena penjajaran Majlis Kanser Negara Malaysia (MAKNA) terhadap Agenda Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, untuk mencapai masyarakat dengan kesedaran lebih tinggi terhadap kanser, di mana kadar kematian yang boleh dielakkan lebih rendah dan tindakan diambil ke arah dunia tanpa kanser untuk generasi akan datang.

Tahun ini MAKNA bergabung dengan Menara KL bersama beberapa bangunan di Putrajaya termasuk pejabat Perdana Menteri, Jambatan Seri Wawasan, Perbadanan Putrajaya, Istana Kehakiman dan Jambatan Seri Gemilang, untuk program khas satu malam.


Penyalan lampu di kesemua menara bermula pada 4 Februari 2021 dengan Menara Kuala Lumpur bermula jam 8 malam sehingga 12 tengah malam dan Putrajaya bermula jam 7 malam sehingga 12 tengah malam.

Hari Kanser Sedunia disambut pada 4 Februari setiap tahun. Selain menyinari mercu tanda berkenaan, MAKNA juga bekerjasama dengan tiga artis tempatan iaitu Pip of Art, Chamology dan Ranerrim, untuk mempersembahkan hasil kerja seni mereka bagi menunjukkan interpretasi dan

visi kanser, menerusi karya seni.

Walaupun dalam keadaan kawalan pergerakan dan impak pandemik sekarang ini, amat penting bagi MAKNA untuk merancang sesuatu yang mempunyai impak dan melaksanakan kempen secara dalam talian, supaya orang ramai terus diingatkan yang kanser terus meragut banyak nyawa di seluruh dunia setiap tahun - lebih daripada COVID-19, dan penting untuk terus mempromosikan kesedaran, pengesanan awal dan gaya hidup sihat.

MAKNA turut mengumpulkan selebriti tempatan seperti Atilia Haron, Siti Saleha, Vince Chong, Amber Chia dan Dina Nadzir untuk berkongsikan pandangan mereka dan menyampaikan pesanan untuk Hari Kanser Sedunia. Hari Kanser Sedunia adalah satu peluang untuk berhubung dengan kesemua sektor masyarakat dan pastikan yang setiap daripada mereka melakukan usaha masing-masing.





Pembinaan Stadium Ragbi Negara Putrajaya Berjalan Lancar

Pembinaan Stadium Ragbi Negara di Putrajaya berjalan lancar dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) memberi komitmen dalam segenap aspek bagi merealisasikan stadium sulung bagi sukan berkenaan.

Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM), Datuk Shahrul Zaman Yahya berkata, komitmen itu dizahirkan Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain selepas beliau mengadakan kunjungan hormat ke PPj.

Presiden PPj memberi komitmen untuk membantu semua aspek bagi menyelesaikan pembinaan stadium yang sebelum ini dilaporkan bakal dibina di Presint 13, Putrajaya.

Sebelum ini, media melaporkan pasukan ragbi negara bakal mempunyai stadium sendiri yang bernilai RM17 juta sekali gus menjadi mercu tanda kebanggaan sukan berkenaan di Malaysia.

Stadium sulung ragbi itu mampu menampung kapasiti penonton sehingga 5,000 orang dalam satu masa dan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti gimnasium,

pusat rawatan, ruang komersil dan padang latihan yang akan dibina secara berperingkat.

Sementara itu, Shahrul turut mengunjungi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad bagi membincangkan cadangan mengadakan Liga Super Varsity - satu liga kesinambungan kepada kejohanan Super 8 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Dalam pertemuan tersebut, Shahrul turut mengemukakan cadangan pengambilan pemain atau pelajar dari negara seperti Fiji dan kepulauan yang lain untuk ditempatkan di politeknik bagi projek Ragbi Piala Dunia Secara prinsipnya, KPT bersetuju untuk memberikan tempat kepada pemain atau pelajar dari Fiji atau negara kepulauan yang lain untuk mereka bermain di Malaysia dan selepas lima tahun sekiranya layak mereka boleh mewakili pasukan kebangsaan.

Anjung Floria Bakal Jadi Pusat Rekreasi Setempat Putrajaya

Anjung Floria Putrajaya di Presint 4 yang dahulunya tapak penganjuran Festival Bunga dan Taman Antarabangsa (FLORIA) Diraja Putrajaya akan dihidupkan sebagai pusat setempat aktiviti rekreasi dikenali sebagai Pit-Stop@Anjung Floria.

Tapak itu strategik dari segi kedudukannya yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal bandar, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan cruise.

Kawasan strategik tersebut telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau pit-stop kepada pengunjung bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti riadah seperti berbasikal, berjalan kaki, berjoging, cruise, sukan air dan berkelah di sekitar Putrajaya.

Lebih menarik lagi kawasan ini berlatarbelakangkan panorama tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana.

Perbadanan Putrajaya (PPj) akan melakukan penambahbaikan kepada tarikan pelancongan sedia ada, malah untuk memikirkan tarikan atau produk pelancongan yang baharu dan inovatif agar dapat menarik lebih ramai pengunjung ke Pit-Stop@Anjung Floria. Ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi yang unggul yang menawarkan pelbagai pilihan aktiviti.

Dengan memperbanyakkan aktiviti menarik, lebih ramai pengunjung akan menginap semalam dua atau lebih lama di Putrajaya. Apabila lebih lama lagi pengunjung bermalam dan lebih banyak lagi berbelanja di Putrajaya, ini dapat membuka peluang bagi peniaga dan komuniti setempat menjana pendapatan.

Sebagai Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin adalah menjadi tanggungjawab Perbadanan Putrajaya untuk mewujudkan lebih banyak peluang untuk rakyat terutamanya komuniti Putrajaya memperbaiki taraf hidup dengan menceburi peniagaan bersesuaian di kawasan tarikan pelancongan dan rekreasi yang baharu di Putrajaya seumpamanya di Pit-

Stop@Anjung Floria dan kawasan-kawasan sekelilingnya.

Peluang perniagaan ini juga dapat membantu penduduk Putrajaya daripada pelbagai latar belakang termasuk belia dan kumpulan profesional yang telah kehilangan pekerjaan akibat pandemik Covid-19 untuk bangun semula. Berdasarkan keprihatinan ini, kebolehpayaan kepada mereka yang terkesan untuk berdikari semula dan dibimbing untuk maju dalam peniagaan supaya dapat meningkatkan ekonomi Putrajaya dan menjadikannya lebih menarik kepada pelabur.

Pit-Stop@Anjung Floria akan dilengkapi pelbagai kemudahan yang lengkap dan teratur termasuk tapak ekspo, tapak jualan, nurseri pokok, Kampung Beca, sewaan basikal, kayak, remote control (RC), cruise, bot dan sandy beach, di samping kemudahan rehat dan rawat (RnR) seperti kafe. Usaha ini dapat menyokong ke arah pemantapan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan serta bandar rekreasi.

Dalam pada itu, Menteri Wilayah turut berkesempatan menanam pokok kayu raja (*Cassia fistula*) sempena kempen menanam satu juta pokok di Wilayah Persekutuan bagi peringkat Putrajaya. Kempen berkonsepkan Hutan Berbunga Dalam Bandar dengan meliputi antaranya kawasan taman awam, tasik dan rizab jalan adalah antara program Cakna Kehijauan di bawah inisiatif Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin yang juga selaras dengan Program Penghijauan Malaysia.

Lebih 100,000 pokok akan ditanam di Putrajaya bagi menjayakan kempen tersebut di mana selain pokok *Cassia fistula*, iaitu pokok ikonik Putrajaya dengan jambak bunga kuning berjuntai, turut ditanam jenis pokok hutan seperti Merbau, Merawan, Pulai dan Meranti serta jenis pokok berbunga seperti Semarak Api dan Tekoma.

Pada masa ini, Putrajaya yang dibangunkan berkonsepkan Bandar Dalam Taman mempunyai lebih kira-kira 700,000 tanaman pokok pelbagai jenis dan spesies dan menjadi tarikan pelancongan.